

## BULETIN 5S PUSAT KESIHATAN

EDARAN DALAMAN SAHAJA

### MAJLIS KEMUNCAK AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI

Bagi meraikan kejayaan Pusat Kesihatan UiTM yang telah mendapat 'Pensijilan Persekitaran Berkualiti (5S)' dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang diperolehi pada 13 Julai 2011 yang lalu, maka pada 28 September 2011 telah diadakan acara 'Majlis Kemuncak Amalan Persekitaran Berkualiti Pusat Kesihatan UiTM 2011' bertempat di dewan Seri Impian Hotel UiTM Shah Alam.

Majlis diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UiTM Dato' Prof. Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, wakil dari MPC Tuan Haji Abdul Rahim Yusoff Pengarah Kanan Jabatan Kecemerlangan Perniagaan Perbadanan Produktiviti Malaysia, pegawai-pegawai kanan UiTM, Konsultant QE/5S En. Nazri Kulup Mahmud dari NKMQ dan semua staf Pusat Kesihatan UiTM.

Penyampaian sijil berkenaan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Abdul Rahim Yusoff sendiri dan disampaikan kepada Pengarah Pusat Kesihatan UiTM Dr Zaiton Nasir dengan disaksikan oleh Naib Canselor UiTM Dato' Prof. Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar dan semua hadirin.

Dato' Naib Canselor kemudiannya berkenan menyampaikan sijil dan cenderahati kepada penyandangan kategori Ikon 5S Pusat Kesihatan 2011 iaitu Matron Mahani Daud dan Kumpulan 5S Cemerlang 2011 yang jatuh kepada Kumpulan Nilam dan diikuti oleh kumpulan Delima dan Kumpulan Zamrud.



Persiapan sebelum majlis berlangsung



Penyampaian Sijil QE/5S secara rasmi



Cabutan bertuah



Ikon 5S Matron Mahani Daud

## KONVENSYEN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S) PERINGKAT WILAYAH TENGAH

Pada 25 Julai, seperti yang telah dijadualkan, Pusat Kesihatan telah membuat pembentangan mengenai Amalan Persekitaran Berkualiti yang telah diamalkan di Pusat Kesihatan UiTM sehingga berjaya memperolehi Anugerah Pensijilan.

Sebanyak 23 buah organisasi lain terdiri dari jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun syarikat-syarikat swasta lain turut sama membuat pembentangan pada hari tersebut

Walaupun membuat persediaan dalam tempoh masa yang amat suntuk, Pusat Kesihatan mampu membuat pembentangan di Konvensyen tersebut dengan baik dan telah mendapat kejayaan cemerlang dengan dianugerahkan ‘Anugerah 3 Bintang’ dan layak menyertai Konvensyen Persekitaran Berkualiti Peringkat Kebangsaan yang dijangka akan diadakan pada 19-20 Oktober 2011 di Sunway Pyramid Hotel Subang Jaya.



Persembahan slaid



Majlis penyampaian sijil



Anugerah 3 Bintang

## KONVENSYEN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S) PERINGKAT KEBANGSAAN

Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam sekali lagi telah dijemput oleh MPC untuk membuat pembentangan mengenai Amalan Persekitaran Berkualiti di dalam Konvensyen Persekitaran Berkualiti (5S) Kebangsaan 2011 di Sunway Pyramid Convention Centre. Jemputan ini adalah berdasarkan kepada kekayaan yang dicapai dalam pembentangan konvensyen persekitaran berkualiti (5S) Peringkat Wilayah Tengah dahulu.

Sebanyak 48 buah organisasi lain turut dijemput untuk dipertandingkan dan dibahagi mengikut sektor iaitu Sektor Awam (Kategori Persekutuan dan Negeri) Sektor Awam (Badan Berkanun -Kategori Persekutuan dan Negeri) dan Sektor Swasta (Kategori Perkhidmatan dan Pembuatan). Pusat Kesihatan telah berjaya mendapat Anugerah Pingat Emas dalam konvensyen ini.



Persembahan slaid




Sesi bergambar



Sijil Anugerah Emas

## HASIL AUDIT DALAM 5S/QE PUSAT KESIHATAN



## KEPUTUSAN PERTANDINGAN QE/5S

### KUMPULAN TERBAIK QE/5S BULANAN 2011

BIL	BULAN	KUMPULAN
1	Julai	Delima
2	Ogos	Nilam
3	September	Delima
4	Oktober	Delima
5	November	Nilam

Pertandingan Patuh 3S : 21/9/2011

Pemenang Bersama – zamrud & nilam

Pencarian terpantas (individu) : 21/10/2011

Haslinda Kasmin  
Norazah Padil  
Nor Azlina Nawawi

## SIDANG REDAKSI

### Penaung

Y Bhg. Prof. Dato' Dr Abdullah Mohamad Said

### Penasihat

Dr Zaiton Nasir

### Ketua Editor

Dr Adibah Mokhtar

### Sumbangan artikel

Dr Hasanah Bahar

Dr Rose Nani Yahya

Nor Azlina Nawawi

Norazah Padil

Ros Haslina Kamaruddin

Nurazreen Amil

Nur Deilla Razali

### Konsep dan Rekabentuk

Dr Dzulkifli Sahlan

## LAWATAN PENANDAARASAN QE/5S KE PUSAT KESIHATAN 2011



16/8/11: FAKULTI SAINS KESIHATAN  
UITM KAMPUS PUNCAK ALAM



2/11/11: KOLEJ MELATI UiTM SHAH ALAM



4/11/11: KOLEJ DELIMA UiTM SHAH



27/9/11: FAKULTI SENIBINA, PER-



10/11/11: UNIT KESIHATAN UiTM PAHANG



11/11/11: KOLEJ SEROJA UiTM SHAH



16/11/11: PUSAT KAUNSELING UiTM SHAH ALAM



9/11/11: MQA  
(MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY)



22/11/11: IBU PEJABAT POLIS BANTUAN  
UiTM SHAH ALAM